

# Dera: Suami isteri didenda RM20,000

Mengaku salah pukul anak angkat berusia empat tahun

Oleh NOOR AZLIDA ALIMIN BANGI

Pasangan suami isteri yang tular dalam video memaparkan seorang kanak-kanak perempuan empat tahun didera menggunakan penyangkut baju dan penyapu, didenda masing-masing RM20,000 oleh Mahkamah Sesyen Bandar Baru Bangi di sini pada Rabu.

Pengasas kosmetik, Amira Hamzah, 28, manakala suaminya, pemandu lori, Muhammad Fitri Jasmani Josmani, 30, dikenakan hukuman itu selepas mengaku bersalah atas pertuduhan yang dibaca di hadapan Hakim Effandi

Nazila Abdullah.

Mahkamah turut memerintahkan wanita tempatan dan suaminya warga Singapura itu dipenjarakan 12 bulan, jika gagal membayar denda tersebut.

Mengikut pertuduhan, mereka didakwa sebagai orang yang mempunyai pemeliharaan terhadap kanak-kanak perempuan, telah menganiaya sehingga menyebabkannya mengalami kecederaan fizikal.

Kesalahan dilakukan di sebuah rumah di Jalan Eco Majestic, Hulu Langat pada April dan jam 1.25 tengah hari, 18 Julai lalu.

Pertuduhan dibuat di bawah Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-kanak 2001 dan dibaca bersama Seksyen 34 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman denda tidak lebih daripada RM50,000 atau penjara bagi tempoh maksimum 20 tahun atau kedua-duanya.

Berdasarkan fakta kes, pada hari kejadian, seorang pengadu yang juga pekerja kepada Amira



Muhammad Fitri (tengah) dibawa ke Mahkamah Sesyen Bandar Baru Bangi pada Rabu bagi menghadapi pertuduhan kes mendatangkan kecederaan fizikal ke atas kanak-kanak perempuan berusia empat tahun, beberapa bulan lalu.

melihat majikannya itu memukul kanak-kanak berkenaan dengan menggunakan penyangkut baju dan batang kayu penyapu.

Pengadu memaklumkan kejadian itu kepada ibu mentua

Amira, namun tidak diendahkan malah dia dimarahi oleh wanita itu. Hasil siasatan polis mendapati mangsa dipukul oleh Amira yang digelar 'Mummy' di beberapa anggota badan.

Ia disahkan oleh dua doktor di Hospital Kajang yang mana kecederaan dialami anak angkat pasangan itu selari dengan laporan polis dibuat oleh pengadu. Semasa prosiding, kedua-dua tertuduh yang tidak diwakili peguam, merayu agar dikenakan hukuman ringan kerana mengalami masalah kewangan sejak tahun lalu.

"Kami minta maaf, tiada niat untuk mendera, kami cuma pukul sebab nak pastikan dia makan, kami takut dia mengalami masalah kurang zat makanan," kata Amira.

Semasa prosiding, Timbalan Pendakwa Raya, Hakim Amir Abdul Hamid memohon agar mahkamah menjatuhkan hukuman yang maksimum sebagai pengajaran.

Menurutnya, tertuduh sebagai penjaga didapati melakukan perbuatan yang zalim sehingga menyebabkan kecederaan di badan, tangan dan kaki mangsa, malah ia berterusan sejak April lalu.